

Selepas berjaya mengungguli Kejohanan SIFE Kebangsaan 2012

# UMS layak rebut Piala Dunia

Oleh SITTI NOR AZIZAH TALATA

Utusansabah@utusan.com.my

um 25.07.2012 36

**KOTA KINABALU** 24 Julai - Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengungguli Kejohanan Students in Free Enterprise (SIFE) peringkat kebangsaan yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 15 dan 17 Julai lalu.

Pasukan SIFE UMS mengetepikan pesaing hebat daripada pasukan SIFE Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) untuk dinobatkan sebagai juara bagi tahun ini.

Kejayaan itu sekaligus menyaksikan UMS akan bertanding mewakili Malaysia pada Piala Dunia SIFE yang bakal berlangsung di Amerika Syarikat (AS) pada 30 September hingga 2 Oktober ini.

Terdahulu, pasukan SIFE UMS yang diwakili oleh 13 pelajar berjaya



**PASUKAN SIFE UMS muncul juara Kejohanan Students in Free Enterprise Kebangsaan di PWTC, Kuala Lumpur, baru-baru ini.**

mengatasi pasukan The University of Nottingham Malaysia Campus dan bekas juara bertahan, Universiti

Teknologi Mara (UiTM) di peringkat separuh akhir.

Menurut peserta UMS, Diedre

Eligius, projek-projek komuniti yang dibentangkan oleh SIFE UMS nyata menarik dan berjaya memikat

hati para juri.

Katanya, antara projek yang dibentangkan termasuk usaha membantu komuniti di Pulau Mantanani dalam menjana pendapatan dan mengurangkan sisa buangan di pulau tersebut.

“Usaha SIFE UMS membangunkan proses bioteknologi menggunakan najis lembu juga berjaya membuka mata para juri.

“Projek bioteknologi itu dilaksanakan di Kampung Maridi, Ulu Sugut, Ranau dengan bimbingan Jabatan Kemajuan Haiwan dan Ternak Sabah. Ia bagi menjana tenaga elektrik untuk membantu mereka yang memerlukan,” katanya.

Sebanyak 29 pasukan yang mewakili pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) menyertai acara tahunan anjuran Yayasan SIFE Malaysia itu.

Ia bertujuan menjadi platform untuk mengetengahkan kreativiti dan inovasi projek-projek jangkaan komuniti oleh pelajar universiti di negara ini.